


Sisi baharu puisi Rahman Shaari



RAHMAN SHAARI menunjukkan bukunya, *Kumpulan Puisi Penunggang Kenyataan* yang bertemakan realiti sosial semasa dengan konsep penyampaian lebih telus dan ringan.

REALITI sosial yang semakin menghakis nilai santun dan tatasusila akhirnya menjadikan seni bahasa semakin rapuh dek kerana ketaksuban gaya hidup moden.

Bukan sahaja nilai ketimuran semakin pudar, malah perkembangan seni bebas atau indie semakin mempengaruhi fahaman golongan muda terhadap estetika sebenar karya sastera tempatan.

Mengangkat tema realiti sosial masa kini dalam jalinan seni bahasa yang telus, sasterawan dan ahli akademik, Prof. Datuk Dr. Rahman Shaari atau nama penanya, Rahman Shaari tampil dengan naskhah *Kumpulan Puisi Penunggang Kenyataan*.

Buku ketiga terbitan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) ini merupakan satu transisi baharu dalam mengimbangkan seni bahasa dengan konsep pilihan pembaca masa kini dengan nilai sebenar sastera Melayu.

Terbahagi kepada tiga bahagian, *Kumpulan Puisi Penunggang Kenyataan* menampilkan idea-idea pendidikan, keagamaan, kekuasaan dan hasrat insan merangkumi dunia politik serta tingkah laku orang politik.

Menyifatkan karya itu sebagai sesuatu yang sederhana, Rahman Shaari mahu mesej penulisannya lebih sampai kepada pembaca dan peminat hasil seni sastera Melayu.

"Karya ini merupakan hasil kompilasi puisi baharu dan terdahulu yang belum diterbitkan. Isinya mempunyai kandungan seiring dengan tema realiti sosial masa kini.

"Ia merupakan satu pendekatan baharu dalam portfolio puisi saya kerana naskhah ini digarap dengan

penyampaian yang lebih jelas dengan sedikit elemen kiasan," katanya semasa ditemui *Kosmo!* sempena Pelancaran Buku Empat Pengarang dan Malam Baca Puisi Pena-ITBM-DBP di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menghimpunkan 63 puisi, naskhah ini bukan sahaja terdapat nilai-nilai berat tetapi turut terselit nilai budaya rakyat, seni bahasa dan kelucuan jenaka serta seloka.

Rahman Shaari yang telah menerbitkan lebih 40 karya penulisan juga mempunyai pengaruh besar dalam dunia sastera dan memperoleh pelbagai penganugerahan dari dalam serta luar negara.

Dilahirkan pada 5 September 1949 di Kampung Gial, Mata Ayer, Perlis, penulis bebas ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Guar Nangka dan Sekolah Kebangsaan Oran, Perlis.

Beliau kemudiannya menyambung pengajian di peringkat sekolah menengah di Sekolah Derma, Kangar sebelum berhijrah ke Kuala Lumpur dan bersekolah di Sekolah Alam Shah dalam aliran sains pada 1965 hingga 1968.

Pada 1970 hingga 1971, Rahman Shaari mengambil kursus

perguruan di Maktab Perguruan Sultan Idris (kini dikenali sebagai Universiti Pendidikan Sultan Idris) Tanjung Malim, Perak sebelum melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang persuratan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor pada 1973 hingga 1976. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Persuratan pada 1983.

Pandangan

Rahman pernah berkhidmat pegawai pendidikan dan pensyarah di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM). Beliau bergelar Profesor di Jabatan Pengajian Media UM pada 2003.

Berkongsi pandangan tentang nilai sastera dalam puisi yang semakin menipis, beliau berpendapat bahawa pada hakikatnya keadaan tersebut adalah tidak wajar berlaku.

"Kewujudan karya bebas (indie) sedikit sebanyak telah merubah selera dan corak seni sastera tempatan dan bagi memperkasakan keaslian seni bahasa, penggiat serius perlu memberi contoh untuk penulis baharu dengan nukilan yang lebih segar.

"Karya-karya seperti ini tidak menghakis keaslian puisi Melayu tetapi ia membantu dalam memastikan kelangsungan seni sastera negara agar terus mendapat perhatian masyarakat," ujarnya.

“Karya-karya seperti ini tidak menghakis keaslian puisi Melayu tetapi ia membantu dalam memastikan kelangsungan seni sastera negara agar tidak terus mendapat perhatian masyarakat
– RAHMAN SHAARI